

21 JUL 1997

Shahidan-MSK

JANGAN SEMPITKAN PANDANGAN TERHADAP MSC, KATA MB PERLIS

KANGAR, 21 Julai (Bernama) -- Ketika kerajaan sedang rancak mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada dunia, terdapat usaha mempengaruhi rakyat supaya tidak menerima cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata mereka mendakwa MSC adalah sebahagian daripada usaha golongan Yahudi untuk mempengaruhi rakyat negara ini supaya mendekati perkara negatif.

Katanya, ada di kalangan penceramah agama yang cuba menyempitkan pemikiran penduduk dengan mendakwa MSC, yang meliputi kawasan 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang diperuntukkan kepada pembangunan barangan dan perkhidmatan multimedia, tidak selaras dengan kehendak Islam.

"Mereka yang membuat dakwaan sedemikian adalah golongan yang berfikiran sempit dan tidak ingin melihat negara berkembang maju," katanya semasa berucap pada majlis sambutan maulidur rasul di Kampung Tok Kaya dekat sini hari ini.

Majlis itu dianjurkan oleh Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs).

Shahidan berkata, mereka tidak sepatutnya mempengaruhi rakyat membenci MSC dengan pandangan sempit sedangkan ia merupakan sebahagian daripada keperluan bagi sebuah negara yang berwawasan.

Katanya, MSC mempunyai peranan yang tersendiri dalam membangunkan ummah dan setiap rakyat sewajarnya memberi sokongan terhadap pelaksanaannya.

Beliau berharap para penduduk negeri ini tidak terpengaruh dengan pandangan sempit pihak tertentu terhadap MSC sebaliknya terus memberi sokongan dalam usaha menjayakannya. -- BERNAMA

AD NMO